

Sempena ulang tahun ASEAN ke-58

ASEAN nadi ekonomi serantau, suara keamanan antarabangsa

● Menjelang 2045, ASEAN disasarkan menjadi ekonomi keempat terbesar dunia, dengan integrasi ekonomi lebih dalam, kepemimpinan digital dan daya tahan iklim mantap

● Kemasukan Timor Leste bakal menyempurnakan impian pengasas ASEAN untuk menghimpunkan seluruh Asia Tenggara di bawah satu payung kerjasama serantau

Oleh Prof Madya
Dr Nazariah Osman
bhrencana@bh.com.my

Tanggal 8 Ogos 1967 mencatat sejarah penting bagi rantau Asia Tenggara apabila lima Menteri Luar dari Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand menandatangani Deklarasi Bangkok, menjadi asas penubuhan ASEAN.

Lima Menteri Luar terbabit ialah Tun Abdul Razak Hussein dari Malaysia, Adam Malik (Indonesia), Narciso R Ramos (Filipina), S Rajaratnam (Singapura) dan Thanat Khoman (Thailand) menjadi perintis mengorak jalan bagi integrasi serantau kekal hingga kini.

Penubuhan ASEAN 58 tahun lalu, berpaksaan aspirasi bersama untuk mewujudkan kestabilan serantau, memperkukuh kerjasama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya, serta menangani ketidaktentuan era Perang Dingin secara kolektif.

Prinsip asas ASEAN menolak campur tangan asing, menjunjung kedaulatan negara dan menyelesaikan pertikaian secara damai menjadi batu asas kepada kejayaan organisasi ini sehingga kini.

Deklarasi Bangkok memperuntukkan 'Pertubuhan ini terbuka untuk penyertaan semua negara di rantau Asia Tenggara yang menerima pakai matlamat, prinsip dan tujuan dinyatakan'.

Pendekatan inklusif ASEAN inilah membuka laluan kepada pembinaan komuniti serantau yang kukuh dan menyeluruh di Asia Tenggara sehingga hari ini. Daripada lima negara pengasas, diikuti kemasukan lima negara lain iaitu Brunei, Kemboja, Laos, Vietnam dan Myanmar. ASEAN kini bersedia menerima Timor Leste sebagai anggota ke-11 menjelang Sidang Kemuncak ke-47 Oktober ini.

Seiring dengan perkembangan geopolitik global dan keperluan integrasi serantau, ASEAN menandatangani pelbagai instrumen seperti Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara (1976), Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (1985), Piagam ASEAN (2008) serta Rangka Tindakan Komuniti ASEAN 2025.

ASEAN kini blok ekonomi kelima terbesar di dunia, dengan pasaran melebihi 680 juta penduduk, serta menjadi aktor penting dalam arkitektur serantau seperti ASEAN +3, ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan Sidang Kemuncak Asia Timur.

Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia memanfaatkan kepemimpinan inklusif dan berkecuali untuk memperkukuhkan solidariti serantau. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, melalui pendekatan diplomasi berpaksaan prinsip MADANI, mengangkat suara ASEAN dalam menangani pel-

bagai cabaran global.

Tema tahunan *Towards Inclusive and Sustainable ASEAN Future* bukan sahaja mencerminkan komitmen Malaysia terhadap pembangunan mampan, malah membuktikan rantau ini boleh menjadi contoh dunia mengimbangi pembangunan dengan keadilan sosial.

Pada 26 Mei lalu, Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di Kuala Lumpur melakar sejarah tersendiri apabila pemimpin ASEAN sebulat suara menerima pakai ASEAN Community Vision 2045: *Resilient, Innovative, Dynamic and People-Centred*.

Visi ini memberi fokus kepada lima dimensi, iaitu keselamatan politik, pertumbuhan ekonomi mampan, perpaduan sosial budaya, penghubung serantau dan pengukuhan institusi.

Komitmen selesai konflik secara aman

Ia turut menetapkan sasaran menjadi kuasa ekonomi keempat terbesar dunia, mengekalkan ASEAN sebagai zon bebas senjata pemusnah besar-besaran serta memacu ekonomi digital, hijau dan kreatif.

Dalam Mesyuarat Menteri Luar ASEAN Ke-68 (AMM-68) pada 9 Julai lalu, Kuala Lumpur menjadi pentas bagi pengukuhan prinsip ASEAN Centrality.

Kenyataan Bersama dihasilkan menegaskan komitmen terhadap kedaulatan undang-undang antarabangsa, hak asasi manusia, penyelesaian konflik secara aman dan diplomasi berprinsip dalam menghadapi krisis global.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 dijadual Oktober ini di Kuala Lumpur dijangka mengesahkan kemasukan rasmi Timor Leste sebagai anggota ke-11 ASEAN de-



ngan Malaysia menyatakan komitmen penuh membimbing proses integrasi Timor Leste secara berperingkat melalui Inisiatif untuk Integrasi ASEAN (IAI) Pelan Kerja V 2026-2030.

Sidang ini juga dijangka menilai kemajuan pelaksanaan Visi Komuniti ASEAN 2045, termasuk pengukuhan sekretariat dan pembiayaan dalaman ASEAN. Kemasukan Timor Leste bakal menyempurnakan impian pengasas ASEAN untuk menghimpunkan seluruh

Asia Tenggara di bawah satu payung kerjasama serantau.

Walaupun pertikaian antara negara ASEAN masih wujud hingga hari ini, semua negara anggota komited untuk menyelesaikan perbezaan mereka melalui kaedah damai dan semangat toleransi serantau yang tinggi.

Komitmen terhadap prinsip ini dibuktikan secara nyata apabila Malaysia, selaku Pengerusi ASEAN 2025, berjaya mendamaikan konflik sempadan antara Thailand dan Kemboja.

Menyerusi pendekatan diplomasi senyap diterajui Perdana Menteri dan disokong kuat Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan, Malaysia menganjurkan Meja Rundingan Khas ASEAN di Putrajaya pada 28 Julai, sekali gus membuka jalan ke arah gencatan senjata serta merta dan penyelesaian aman bersejarah dalam konteks hubungan dua hala dan semangat ASEAN Centrality.

Kejayaan ini bukan sahaja membuktikan keberkesanan ASEAN menyelesaikan konflik secara dalaman, malah mengangkat Malaysia sebagai pemudah cara berkecuali dan dihormati pada peringkat global.

Menjelang 2045, ASEAN disasarkan menjadi ekonomi keempat terbesar dunia, dengan integrasi ekonomi lebih dalam, kepemimpinan digital dan daya tahan iklim mantap.

Namun, kejayaan ini memerlukan keberanian untuk melakukan reformasi institusi, memecah kebekuan konsensus yang melambatkan keputusan dan memperkasakan suara rakyat dalam tadbir uris serantau.

Pembangunan kapasiti ASEAN, termasuk peranan sekretariat dan mobilisasi dana dalaman, perlu dipertingkatkan supaya pelaksanaan tidak hanya tinggal di atas kertas.

Masa depan ASEAN bergantung pada kemampuannya untuk kekal inklusif, menghormati perbezaan dan berpegang pada prinsip tanpa tunduk kepada tekanan geopolitik luar.

Malaysia, sebagai pengerusi semasa, menunjukkan gabungan integriti, visi dan tindakan berani boleh menjadikan ASEAN sebagai kuasa serantau dihormati.

“Walaupun pertikaian antara negara ASEAN masih wujud hingga hari ini, kesemua negara anggota komited untuk menyelesaikan perbezaan mereka melalui kaedah damai dan semangat toleransi serantau yang tinggi”

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH